

Sungai cetek punca bencana banjir

HULU TERENGGANU - Kedalaman sungai-sungai utama di Hulu Terengganu yang semakin cetek dikenal pasti antara salah satu faktor berlakunya banjir besar di daerah ini minggu lalu sekali gus menyebabkan ribuan penduduk terpaksa berpindah.

Pegawai Daerah Hulu Terengganu, Azmi Razik berkata, dua sungai utama iaitu Sungai Telemong dan Sungai Berang tidak mampu menampung jumlah air hujan yang banyak selain aliran air perlahan hingga berlakunya limpahan air sungai ke kampung berhampiran.

"Melalui pemerhatian awal didapati keadaan sungai utama semakin cetek dan kita tidak menolak kemungkinan ia mempunyai hubung kait dengan aktiviti pembalakan.

"Satu kajian secara komprehensif dan serius perlu dilakukan bagi atasi masalah banjir yang membimbangkan ini," katanya.

Azmi berkata, pihaknya akan mengadakan mesyuarat dengan Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan dan Saliran serta pihak berkaitan bagi membincangkan mengenai perkara ini.

"Kita tidak mahu banjir besar berulang di daerah ini apatah lagi



Banjir berlaku di Hulu Terengganu minggu lepas turut disertai lumpur di beberapa kampung termasuk Kampung Basung.

ia disertai lumpur tebal di beberapa buah kampung terlibat seperti Kampung Basung.

"Keadaan ini turut menyebabkan kerja pembersihan dijangka mengambil masa," katanya ketika ditemui di Kampung Basung, kelmarin.

Dalam perkembangan berkaitan, Azmi yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Hulu Terengganu memaklumkan kerja pasca banjir seperti pembersihan kawasan

banjir sehingga kini sudah mencapai 80 peratus.

"Pelbagai pihak termasuk sukarelawan daripada institusi pengajian tinggi, jabatan kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO) telah hadir untuk menjalankan operasi pasca banjir di daerah ini. Kita ucapkan terima kasih serta alu-alukan kedatangan mereka bagi bantu mangsa terlibat," katanya.

Tambahnya, sebanyak 47 pusat pemindahan dibuka di daerah ini membabitkan 1,810 keluarga.